

# PM arah individu biadab minta Abdul Hadi meninggal mohon maaf

**Kuala Lumpur:** Datuk Seri Anwar Ibrahim mengarahkan individu yang memuat naik ciapan biadab berhubung keadaan kesihatan Presiden PAS, Tan Sri Abdul Hadi Awang, yang merosot dan sedang menerima rawatan di hospital supaya memohon maaf

Perdana Menteri dalam ciapan di laman sosial Twitter menyatakan kekesalan terhadap tindakan individu yang dipercayai penyokong partinya itu.

“Saya membantah dan kesal dengan ciapan biadab Zaki Yamani dan mengarahkan beliau untuk memohon maaf dengan kadar segera,” ciapnya.

Pengguna Twitter @Zaki\_Yamani\_ melalui muat naik di akan

media sosialnya memohon untuk Presiden PAS itu diambil nyawa selepas dilaporkan keadaan kesihatannya merosot.

Lelaki itu juga menulis perkara sama terhadap bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad.

“Doa: Ya Allah! Ambil lah nyawa Abdul Hadi Awang. Hentikan kerosakan yang dilakukannya di muka bumi. Hentikan fitnah yang dibawanya terhadap agama-Mu.

“Ambil sekali Mahathir,” ciapnya.

Sementara itu, tinjauan *BH* di Twitter lelaki terbabit mendapati ciapannya itu belum dipadamkan sehingga petang semalam,

malah lelaki itu mempertahankan kenyataannya.

Dia turut mendapat kecaman daripada pengguna Twitter lain.

Sementara itu, Abdul Hadi yang dimasukkan ke wad Hospital Sultanah Nur Zahirah (HSNZ) di sini, kelmarin, dibenarkan pulang ke rumah jam 2 petang semalam.

Perkara itu dimaklumkan Pengerusi Jawatankuasa Pelancangan, Kebudayaan dan Teknologi Digital Terengganu, Ariffin Deraman, ketika dihubungi BER-NAMA.

Beliau berkata, Abdul Hadi yang juga Ahli Parlimen Marang

dimasukkan ke wad kelmarin disebabkan demam dan bukannya masalah jantung, seperti didakwa sesetengah pihak.

“Saya dan beberapa EXCO negeri serta pimpinan PAS Terengganu ada melawat beliau tengah hari tadi (semalam). Keadaan beliau baik dan doktor telah memberi pelepasan (Abdul Hadi) pulang pada jam 2 petang.

“Saya telah hubungi keluarga tuan guru dan dimaklumkan beliau sudah tiba di rumahnya di Rhu Rendang (Marang),” katanya.

Kelmarin kesihatan Abdul Hadi dilaporkan merosot dan terpaksa dimasukkan ke wad HSNZ bagi mendapatkan rawatan.